

**PENGURUSAN DISIPLIN PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH
KULAIJAYA, JOHOR**

KALAICHALVI A/P PATCHAIPPAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PENGURUSAN DISIPLIN PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH
DAERAH KULAIJAYA, JOHOR**

KALAICHALVI A/P PATCHAIPPAN

Laporan kajian ini dikemukakan bagi memenuhi syarat ijazah Sarjana Pendidikan
(*Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan*)

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
JOHOR BAHRU**

MEI 2012

Dedikasi

*Kepada Tuhan yang Maha Kuasa yang takdirkan saya sebagai manusia dan
pendidik yang berpeluang menimba dan mencurahkan ilmu,*

*Teristimewa buat mendiang ibu bapaku, yang merupakan insan yang paling mulia
dalam hidupku,*

*Untuk insan yang ku cintai dan kasihan suamiku Sitambaram a/l Karupayah, dan
anak-anaku Shiloshinni Sitambaram, Lishalini Sitambaram dan Kaveetiran
Sitambaram yang memberi keizinan, sokongan, kasih sayang dan keprihatinan,*

Abangku Krishnamoorty a/l Patchaippan yang sentiasa dorongku,

Rakan-rakan sejawat dan seperjuangan yang bantuku

*Terima kasih saya ucapkan atas segala-gala yang anda lakukan untuk kejayaan
saya*

TERIMA KASIH

PENGHARGAAN

Setinggi-tingginya terima kasih diucapkan kepada Tuhan yang tidak terhingga belas kasihan dan restuNya dalam sepanjang saya menjalankan dan menyiapkan laporan kajian saya.

Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih diucapkan khasnya kepada penyelia saya PROF MADYA DR YUSOF BIN BOON atas bimbingan, sokongan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan dan penulisan tesis ini dengan berjaya. Semoga Tuhan merestui beliau hidup berbahagia dan maju jaya dalam setiap langkah perjuangan hidup cemerlang.

Penghargaan dan ribuan terima kasih turut dituju kepada Prof Dr Lokman Bin Mohd Tahir, Prof Madya Dr Salleh Bin Abu, Prof Dr Anuar Bin Abdul Rahman, Dr Mohamad Najib Bin Abdul Ghafar dan Dr Khadijah Binti Daud diatas perkongsian ilmu dan bimbingan yang diberikan.

Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Johor, Pejabat Pendidikan Daerah Kulaijaya dan pihak sekolah yang memberi kebenaran menjalankan kajian, serta guru-guru disiplin selaku responden dalam kajian ini yang memberi kerjasama dalam memberi maklum balas bagi kajian ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang membantu saya dalam menyempurnakan kajian saya.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti apakah pengetahuan dan pelaksanaan guru-guru disiplin dalam pengurusan disiplin pelajar di Sekolah-sekolah Menengah daerah Kulaijaya. Kajian ini telah menjelaskan tentang tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan guru-guru disiplin berdasarkan Model Pengurusan Disiplin Kementerian Pelajaran Malaysia (1988). Sampel kajian dipilih di kalangan guru-guru daripada 12 buah sekolah yang terdiri daripada guru-guru disiplin. Tujuan pemilihan sampel ini adalah untuk melihat tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pengurusan disiplin pelajar dalam kalangan guru disiplin berdasarkan elemen-elemen yang dinyatakan dalam Model Pengurusan Disiplin Kementerian Pelajaran Malaysia (1988). Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Skala Likert telah digunakan untuk mengukur maklum balas bagi soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan Perisian *Statistical Packages for the Social Science (SPSS) Versi 20.0*. untuk mendapatkan min dan sisihan piawai. Hasil dapatan menunjukkan tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan dalam kalangan guru-guru disiplin adalah tinggi. Kajian juga menunjukkan tidak terdapatnya perbezaan dalam pengetahuan guru tentang pengurusan disiplin berdasarkan faktor jantina dan tempoh perkhidmatan sebagai guru disiplin serta menunjukkan terdapatnya perhubungan antara tahap pengetahuan tentang pengurusan disiplin pelajar dan tahap pelaksanaan pengurusan disiplin dalam kalangan guru disiplin. Implikasi kajian menyentuh tentang perlunya guru-guru disiplin meningkatkan tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pengurusan disiplin dari segi pelanggaran peraturan dan hukuman yang setimpal mengikut prinsip-prinsip pengurusan disiplin pelajar berdasarkan Model Pengurusan disiplin KPM(1988) yang dikhususkan untuk pengurusan disiplin pelajar.

ABSTRACT

This Study aimed to identify the knowledge and implementation of discipline teachers in student's discipline management in secondary schools in Kulaijaya district. This research had explained about the level of knowledge and the level of implementation in discipline teachers based on the elements in Model of Students Discipline Management of Malaysia Educational Ministry (1988). The samples for the study were choose among teachers from 12 secondary schools in Kulaijaya district whom are the discipline teachers. The purpose for selecting these samples is to know what is the level of knowledge and the level of implementation of students discipline management among discipline teachers based on the elements in Model in Students Discipline Management of Malaysia Educational Ministry (1988). The data were collected used questionnaire as a research instrument. The responses to the questionnaire was measured with Likert Scale and analyzed used *Statistical Packages for the Social Science (SPSS Versi) 20.0* to get mean and standard deviation. The study shows that the level of knowledge and the level of implementation in students discipline management among the discipline teachers are high. The study also shows that there is no differences between the level of knowledge with the factor gender and the period of services as a discipline teacher and there is a significant relationship between the level of knowledge and the level of implementation in students discipline management. The implication of the study requires that the discipline teachers should increase the level of knowledge and the level of implementation on element against the rules and the right punishment according to the principles in Model of Students Discipline Management of Malaysia Educational Ministry (1988).

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI SINGKATAN	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.4.1 Objektif Umum	8
	1.4.2 Objektif Khusus	8
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Kerangka Kajian	10

1.7	Rasional Kajian	11
1.8	Kepentingan Kajian	12
1.9	Skop Kajian	13
1.10	Batasan Kajian	13
1.11	Definisi Kajian	13
1.11.1	Pengurusan	14
1.11.2	Disiplin	15
1.11.3	Tahap Pengetahuan	15
1.11.4	Pelaksanaan	16
1.11.5	Masalah	17
1.11.6	Pelajar	17
1.11.7	Guru	17
1.11.8	Hukuman	18
1.11.9	Perbuatan	19
1.11.10	Perbuatan yang dilarang secara tidak nyata	19

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	20
2.2	Definisi Disiplin	20
2.2.1	Dasar Pelaksanaan	21
2.2.2	Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin sekolah) 1959	22
2.2.3	Konsep Disiplin	23
2.2.4	Matlamat Disiplin	24
2.2.5	Mandat Pelaksanaan Kuasa	25
2.3	Pengurusan Disiplin Sekolah	25
2.3.1	Jawatankuasa Lembaga disiplin	26
2.3.2	Tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Disiplin Sekolah	27
2.3.4	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Disiplin Sekolah	28

2.3.5	Tanggungjawab Guru Besar/Pengetua	29
2.3.6	Tanggungjawab Guru Penolong Kanan HEM/Penolong Kanan	29
2.3.7	Tanggungjawab Setiausaha	30
2.3.8	Tanggungjawab Guru Tingkatan (Penyelaras)	31
2.4	Peraturan-peraturan Dalam Menjalankan Kuasa disiplin	31
2.5	Pengurusan Sekolah	32
2.6	Model Pengurusan disiplin Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	32
2.6.1	Elemen-elemen Model Pengurusan Disiplin KPM	34
2.7	Sorotan Kajian Lepas	43
2.7.1	Sorotan Kajian Dalam Negara	43
2.7.2	Sorotan Kajian Luar Negara	46
2.8	Kesimpulan	47

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.3	Tempat Kajian	50
3.4	Populasi Kajian dan Sampel Kajian	51
3.5	Instrumen Kajian	51
3.6	Pemarkatan Skor Bagi Tahap Pengetahuan dan Tahap Pelaksanaan	54
3.7	Prosedur Kajian	54
3.7.1	Kadar Pulangan Borang Soal Selidik	55
3.7.2	Kajian Rintis	55
3.8	Analisis Data	57
3.8.1	Analisis Deskriptif	57

3.8.2	Statistik Inferensi	57
3.9	Kesimpulan	59

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	60
4.2	Huraian Latar Belakang Responden	60
4.2.1	Jantina Responden	61
4.2.2	Tempoh Perkhidmatan Responden Sebagai guru Disiplin	61
4.3	Analisis Berdasarkan Persoalan Kajian	62
4.3.1	Persoalan Kajian pertama : Apakah Tahap Pengetahuan Guru Disiplin Tentang Pengurusan Disiplin Pelajar	62
4.3.1.1	Tahap Pengetahuan Guru Dari segi Konsep dan Peraturan	63
4.3.1.2	Tahap Pengetahuan Guru Dari Segi Pelanggaran Peraturan dan Hukuman	65
4.3.1.3	Tahap pengetahuan guru Dari Segi tanggungjawab Sebagai Guru Disiplin	68
4.3.1.4	Tahap Pengetahuan keseluruhan Guru Disiplin tentang Pengurusan Disiplin Pelajar	70
4.3.2	Persoalan Kajian Kedua : Apakah Tahap Pelaksanaan Pengurusan Disiplin Pelajar	71
4.3.2.1	Tahap Pelaksanaan Guru Dari	

	Segi Konsep dan Peraturan	71
4.3.2.2	Tahap Pelaksanaan Guru Dari Segi Pelanggaran Peraturan Dan Hukuman	76
4.3.2.3	Tahap pelaksanaan Guru Dari Segi Tanggungjawab Sebagai Guru Disiplin	76
4.3.3	Persoalan Kajian Ketiga : Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Disiplin Tentang Pengurusan Disiplin Pelajar Mengikut Jantina	79
4.3.4	Persoalan Kajian Keempat : Adakah Terdapat Perbezaan tahap Pengetahuan Guru Disiplin Tentang Pengurusan Disiplin Pelajar Mengikut Tempoh Perkhidmatan Sebagai Guru Disiplin	80
4.3.5	Persoalan Kajian Kelima : Adakah Terdapat Hubungan Signifikan Antara Tahap Pengetahuan Dan Tahap Pelaksanaan Dalam kalangan Guru Disiplin	80
4.4	Penutup	82

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	83
5.2	Rumusan	83
5.3	Perbincangan dapatan Kajian	84
5.3.1	Tahap Pengetahuan Guru Tentang Pengurusan Disiplin Pelajar	84
5.3.2	Tahap Pelaksanaan Disiplin Pelajar Dalam Kalangan Guru Disiplin	87
5.3.3	Tahap Pengetahuan Guru Disiplin Tentang Pengurusan disiplin Pelajar	

	Mengikut Jantina	89
5.3.4	Tahap Pengetahuan Guru Disiplin Tentang Pengurusan Disiplin Mengikut Tempoh Perkhidmatan Sebagai Guru Disiplin	89
5.3.5	Hubungan Signifikan Antara Tahap Pengetahuan dan Tahap Pelaksanaan Pengurusan Disiplin Pelajar Dalam Kalangan Guru Disiplin	89
5.4	Implikasi Kajian	90
5.4.1	Implikasi Kepada Sekolah	90
5.4.2	Implikasi Kepada Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG)	92
5.4.3	Implikasi Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia	93
5.5	Cadangan	94
	5.5.1 Cadangan Berdasarkan Dapatan kajian	94
	5.5.2 Cadangan Kajian Lanjutan	94
5.6	Kesimpulan	96
	RUJUKAN	98
	LAMPIRAN	102

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL SURAT	TAJUK	MUKA
3.1	Taburan Sekolah-sekolah	50
3.2	Taburan Soal Selidik Faktor Demografi	52
3.3	Taburan Item Soal Selidik mengikut Aspek	52
3.4	Skala Likert dalam Kajian	53
3.5	Tahap Pengetahuan Guru Disiplin	54
3.6	Tahap Pelaksanaan Guru Disiplin	54
3.7	Kadar Pulangan Borang Soal Selidik	55
3.8	Nilai Indeks Korelasi Dan Interpretasi Daripada Rowntree (1981)	56
3.9	Jadual Ringkasan Pengujian Statistik Deskriptif Objektif Kajian	57
3.10	Jadual Ringkasan Pengujian Statistik Inferensi Objektif Kajian	58
3.11	Garis Panduan Guilford	59
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	61
4.2	Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan Sebagai Guru disiplin	62
4.3	Taburan responden Mengikut Pengetahuan Tentang Konsep dan Peraturan Disiplin Pelajar	64
4.4	Tahap Pengetahuan Responden Mengikut konsep Dan Peraturan Disiplin Pelajar	65
4.5	Taburan Responden Mengikut Pengetahuan Tentang Pelanggaran Peraturan Dan Hukuman	66
4.6	Tahap Pengetahuan Responden Tentang	

	Perlanggaran Peraturan Dan Hukuman	68
4.7	Taburan Responden Mengikut Pengetahuan Tentang Tanggungjawab Sebagai Gurun Disiplin	69
4.8	Tahap Pengetahuan Guru Dari segi Tanggungjawab Sebagai Guru Disiplin	70
4.9	Tahap Pengetahuan Keseluruhan Guru Disiplin Mengikut Min Dan Sisihan Piawai	71
4.10	Taburan Responden Mengikut Responden Mengikut Pelaksanaan Pengurusan Disiplin Pelajar Dari Segi Konsep Dan Peraturan	72
4.11	Pengurusan Disiplin Pelajar Dari Segi Konsep Dan Peraturan	73
4.12	Taburan Responden Mengikut Pelaksanaan Pengurusan Disiplin Pelajar Dari Segi Pelanggaran Peraturan Dan Hukuman	75
4.13	Tahap Pelaksanaan Pengurusan Disiplin Pelajar Dari Segi Pelanggaran Peraturan dan Hukuman	76
4.14	Taburan Tahap Pelaksanaan Pengurusan Disiplin Pelajar Dari Segi Tanggungjawab Sebagai Guru Disiplin	77
4.15	Tahap Pelaksanaan Pengurusan Disiplin Pelajar Dari Segi Tanggungjawab Sebagai Guru Disiplin	78
4.16	Tahap Pelaksanaan Keseluruhan Pengurusan Disiplin Pelajar Mengikut Min Dan Sisihan Piiawai	79
4.17	Perbandingan Tahap Pengetahuan Guru Berdasarkan Jantina	79
4.18	Perbandingan Tahap Pengetahuan Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan Guru Sebagai Guru Disiplin	80
4.19	Korelasi Antara Tahap Pengetahuan Dan Tahap Pelaksanaan Guru Dalam Pengurusan Disiplin	82

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Konsep Kajian	10

SENARAI SINGKATAN

KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
P	-	Nilai Signifikan
r	-	Pekali Korelasi Pearson
1959 ¹	-	Dipinda

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN SURAT	TAJUK	MUKA
A	Borang Soal Selidik	98
B	Ujian Statistik	101
C	Surat Kelulusan KPM	138

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Disiplin adalah pegangan hidup manusia yang menentukan kesejahteraan seseorang individu, bangsa dan negara. Menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet, (1979) “Rakyat yang berdisiplin adalah penting untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang bertatasusila, bersatu padu, demokratik, adil, liberal dan progresif, seperti cogan kata yang berbunyi Rakyat berdisiplin, Negara Maju”. Pelajar-pelajar sekolah yang merupakan tulang belakang utama sesebuah negara perlu mempunyai disiplin yang terpuji manakala pihak sekolah seharusnya membentuk akhlak mereka supaya kesejahteraan bangsa dan nusa ini sentiasa terjamin.

Masalah disiplin pelajar masa kini, semakin berleluasa dan hangat diperkatakan oleh semua lapisan masyarakat. Media massa, media elektronik, forum, serta seminar pendidikan sentiasa memperbincangkan isu ini. Masalah disiplin dalam kalangan pelajar berlaku tanpa mengira jantina, ras, agama dan budaya dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi.

Masalah disiplin pelajar seperti mencuri, membuli, merokok, melawan guru, melakukan vandalisme, melepak, membuli, gangsterisme, merogol, membunuh, bergaduh, ponteng sekolah dan sebagainya merupakan masalah disiplin yang ketara berlaku dalam kalangan pelajar masa kini. Semakin pesatnya pembangunan negara dari segi ekonomi, sosial, budaya dan teknologi maklumat semakin meningkatnya masalah disiplin dalam kalangan pelajar.

Selagi seseorang individu dikatakan sebagai pelajar maka pembelajaran adalah tugas utama dan pencapaian cemerlang seharusnya menjadi matlamat utama hidup tetapi sekiranya individu tersebut mempunyai masalah disiplin maka hakikat ini tidak akan menjadi kenyataan. Sebenarnya masalah disiplin dalam kalangan pelajar bukannya suatu perbuatan baru malah ia wujud sejak zaman dahulu lagi, bezanya ia semakin menular dalam kalangan pelajar masa kini.

Sekolah merupakan wadah pendidikan utama yang bertanggungjawab melahirkan insan yang harmonis, bersepadu dan seimbang dari segi emosi, intelek, rohani dan jasmani sepertimana tertera dalam Falsafah Pendidikan Negara kita.. Dengan itu sekolah sentiasa berusaha menjalankan pelbagai program pembangunan pelajar untuk merealisasikan hasrat kemenjadian murid. Semua pihak yang berkaitan dengan pendidikan iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah serta sekolah pra, sekolah rendah dan sekolah menengah memikul tanggungjawab yang amat besar lagi amanat dalam membangunkan sahsiah dalam kalangan pelajar selain membekalkan ilmu supaya setiap individu pelajar menjadi insan yang berguna kepada diri, keluarga, bangsa dan negara.

Setiap sekolah perlulah menjangkau 'zero defect' dalam menangani masalah disiplin dalam kalangan pelajar supaya ianya boleh memberi impak positif kepada sesebuah sekolah berjaya menjalankan segala rancangan yang telah dirancang untuk mencapai visi, misi dan matlamat yang ditetapkan, jadi sesebuah sekolah perlu mempunyai pengurusan disiplin yang baik, cekap dan sistematik.

Menurut bekas Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mahadzir Md. Khir, masalah disiplin memang dikesan lebih ketara berlaku dalam kalangan pelajar peringkat sekolah menengah, lebih-lebih lagi mereka yang bersekolah di kawasan bandar dan pinggir bandar. Masalah disiplin dalam kalangan pelajar merupakan suatu cabaran kepada pihak sekolah dimana walau apa tindakan yang diambilpun masalah ini tidak pernah mencapai titik tamat, tambahan pula timbulnya rasa ketidakpuas hati dalam kalangan ibu bapa atas tindakan dan hukuman yang dikenakan pada anak-anak mereka. Jadi, dalam perkara ini pihak yang bertanggungjawab dalam bidang disiplin

sekolah perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi serta melaksanakan tugasnya dengan mengambil langkah-langkah yang sewajar.

Dalam konteks sekolah semua guru merupakan guru disiplin yang perlu membantu pihak pentadbir dalam membendung masalah disiplin pelajar, namun guru-guru yang dilantik sebagai guru disiplin amat memainkan peranan penting dalam menangani masalah disiplin dalam kalangan pelajar. Jadi, guru-guru yang dilantik sebagai guru disiplin dan diberi tugas khas untuk menangani masalah disiplin pelajar seharusnya perlu memiliki pengetahuan yang sempurna tentang masalah-masalah disiplin pelajar, jenis-jenis tindakan serta prosedur-prosedur pelaksanaannya sepertimana termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1957, Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959¹, panduan tatacara disiplin sekolah serta pekeling-pekeling yang diedar dari semasa ke semasa dan seterusnya melaksanakan tugasnya dengan cekap dan sistematik.

1.2 Latar belakang masalah

Sekolah adalah tempat menimba ilmu dan guru-guru merupakan sumber utama pembekalan ilmu. Walaubagaimanapun tanpa disiplin yang baik di kalangan pelajar kesemua impian kecemerlangan sesuatu sekolah menghadapi cabaran dan amat sukar untuk merealisasikannya. Jadi, penyebaran ilmu dan pembentukan disiplin di sekolah adalah dua aspek yang sama penting diberi keutamaan.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) yang dipengerusikan oleh Dr. Maximus Ongkili, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa peratusan kes jenayah di kalangan pelajar meningkat pada tahun 2005 iaitu 5,543 berbanding tahun 2004 iaitu 5,140 (Malaysia Today, 2006).

Menurut Laporan Kementerian Pelajaran, (Mac 2000) berkenaan gengsterisme di kalangan pelajar, mengumumkan bahawa sebanyak 459 buah sekolah menengah adalah berisiko dan terdedah kepada aktiviti gengsterisme.

Di Kedah, seorang guru disiplin, Sekolah Menengah Datuk Syed Omar berumur 39 tahun dibelasah sehingga kecederaan parah di muka dan badan kerana menangkap seorang pelajar yang lari daripada perhimpunan rasmi sekolah, (Malaysia Today, 2006).

Walaupun demikian, Pihak sekolah tidak pernah jemu malah bertungkus lumus mengambil tindakan ke atas pelajar-pelajar yang terlibat dengan salah laku supaya pelajar-pelajar menceburi aktiviti-aktiviti tidak sihat, menyedari kesalahan seterusnya dapat mengubah sikapnya ke arah lebih positif. Menurut Mohd Ismail (2006), dalam Hasmedi pelajar yang terlibat dengan kesalahan disiplin boleh dikategorikan sebagai melanggar disiplin sekolah, maka pihak sekolah akan mengambil tindakan, namun tindakan yang diambil oleh pihak sekolah seringkali dipertikaikan oleh masyarakat khususnya ibu bapa pelajar berkenaan yang tidak puas hati dengan tindakan dan cara pelaksanaannya sehingga membuat laporan dan membawa kes ke mahkamah. Isu-isu kurang puas hati terhadap tindakan guru dalam mendisiplinkan murid kini, seringkali disiarkan melalui media cetak dan elektronik.

Dua orang pelajar lelaki di sebuah sekolah mengadu dipaksa berbogel di hadapan dua guru dan kerani sebelum di arah ke kelas dengan memakaikan batik yang dijadikan pengesat kaki, kerana berseluar ketat. Berikutan kejadian yang dianggap memalukan, keluarga pelajar-pelajar tersebut membuat aduan di Ibu Pejabat Polis Daerah, (bmmaya), 2007.

Dua orang pelajar perempuan yang dikatakan adik-beradik dibuang sekolah kerana telah melanggar peraturan sekolah dari segi pemakaian seragam sekolah tanpa diberi peluang membela diri dan membuat rayuan. Hukuman buang sekolah tersebut diperintahkan hasil mesyuarat Lembaga Disiplin sekolah dan guru besar, berikutan perkara ini ibu bapa tidak puas hati dengan tindakan pihak sekolah dengan jenis kesalahan yang dilakukan oleh anak-anaknya. (Hasmedi. blogspot, 2008).

Menurut akhbar tempatan dikeluarkan pada 12 Julai 2008, tiga orang pelajar di sebuah sekolah di Putrajaya dibuang sekolah kerana degil dan memakai serban bertentangan dengan peraturan pakaian seragam sekolah. Pemakaian pakaian

seragam sekolah telah ditetapkan oleh pihak kementerian dan seseorang murid tidak boleh memakai pakaian yang menyalahi peraturan pemakaian seragam sekolah. Namun persoalan timbul adakah hukuman ini setimpalan dengan jenis kesalahan (perkara ini terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.6/(1968).

Isu disiplin pelajar dan tindakan pihak sekolah sentiasa dibangkitkan sehingga ke peringkat kebangsaan. Maka jelas dilihat bahawa tindakan pihak sekolah keatas pelajar yang melanggar undang- undang dan peraturan sekolah memang dicabari masyarakat.

1.3 Pernyataan masalah

Merujuk pada kajian-kajian lepas terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar berkecenderung melakukan masalah disiplin. Faktor-faktor tersebut boleh dikategorikan sebagai faktor dalaman dan faktor luaran sekolah pelajar. Faktor dalaman merujuk kepada aspek-aspek fizikal dan sosial dalaman sekolah yang merangsangkan pelajar untuk melanggar peraturan yang ditetapkan untuk pelajar, manakala faktor luaran pula merangkumi faktor sosial serta ekonomi keluarga, faktor personaliti pelajar dan pengaruh-pengaruh persekitaran akibat pembangunan negara yang memaksa atau menarik pelajar untuk melakukan pelbagai gejala yang meruntuhkan sahsiah mereka.

“Hari ini sekolah-sekolah menampung pelajar-pelajar yang tidak seragam, iaitu dari segi sosial, ekonomi dan nilai budayanya kerana peluang-peluang bagi mendapatkan pelajaran adalah terbuka kepada semua pelajar. Selain daripada itu, faktor sekolah juga di katakan sebagai salah satu sebab yang mempengaruhi disiplin pelajar antaranya ialah struktur dan organisasi sekolah, sistem hukuman dan penghargaan kepada pelajar, suasana, nilai dan interaksi sekolah, budaya sekolah yang lebih berorientasi akademik dan sikap tanggapan serta harapan guru”

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 1988)

Pernyataan tersebut turut disokong oleh T.Marimuthu 1980, dengan menyatakan organisasi dan struktur belajar seperti pengagihan murid mengikut pencapaian, pihak berkuasa yang menekankan peperiksaan, bentuk dan struktur ganjaran, hukuman, sikap dan harapan guru, kesemuanya menggalakkan masalah disiplin di kalangan murid yang lemah dari segi akademik

Suasana bilik darjah serta sekolah yang tidak kondusif, pendekatan guru yang tidak menarik dan bermotivasikan pelajar menyebabkan pelajar bijak berasa bosan manakala pelajar lemah berasa tidak faham dan tertekan. Akibatnya, semua peringkat pelajar ini menjerumus diri dalam sesuatu masalah disiplin di sekolah.

Pembangunan pesat di bandar dan pinggir bandar yang serba lengkap dengan pusat membeli belah, pusat hiburan, pengaruh rakan sebaya serta artis-artis dalam negara dan luar negara menggalakkan lagi para pelajar terlibat dengan pelbagai gejala yang kurang disenangi.

Rumah adalah tempat utama dan ibubapa adalah pihak yang paling bertanggungjawab dalam membentuk sahsiah pelajar dengan memberi tunjuk ajar, bimbingan prinsip hidup yang soleh dan menerapkan nilai-nilai agama dan moral diikuti oleh pihak sekolah. Apabila pihak-pihak ini mengabaikan tanggungjawab ini disebabkan oleh pelbagai masalah dan alasan tertentu maka disitulah anak-anak serta anak-anak didikan terpesong daripada kelakuan dan nilai hidup sepatutnya.

Pihak sekolah memainkan peranan dan tanggungjawab penting dalam membangunkan sikap, nilai dan akhlak yang mulia melalui pembentukan disiplin yang baik di kalangan pelajar. Dalam hal pembentukan disiplin pelajar pihak sekolah perlu akur pada tatacara pengurusan disiplin sepertimana diarahkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Dengan tujuan demikian, Setiap sekolah dibekalkan buku panduan dan pekeliling-pekeliling yang menerangkan tatacara pengurusan disiplin pelajar berdasarkan peraturan-peraturan yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1957, Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959¹.

Dalam Ordinan pelajaran, Peraturan 4, dalam Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959¹, Guru Besar adalah orang yang bertanggungjawab ke atas

disiplin; walaubagaimanapun di bawah peraturan-peraturan tersebut Guru Besar diperuntukkan untuk menurunkan kuasa disiplin dan kuasa menjalankan hukuman kepada guru-guru lain.

Dalam melaksanakan hukuman terhadap salah laku pelajar seseorang guru harus mengetahui terlebih dahulu tentang salah laku pelajar tersebut merupakan perbuatan-perbuatan yang dilarang secara nyata atau tidak nyata, nilai hukuman dan langkah-langkah yang perlu patuhi.

Ordinan Pelajaran 1957 dan pekeliling-pekeliling ikhtisas telah diedarkan oleh Bahagian Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan 1968. Kedua-dua dokumen ini perlu dijadikan landasan untuk membentuk tatacara pengurusan disiplin di sekolah, kuasa guru dalam melaksanakan undang-undang disiplin tidak dapat dipertikaikan lagi kerana ia telah termaktub dalam ordinan tetapi perlu mengikut prosedur yang ditetapkan dalam peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin sekolah), namun mengikut kajian yang dilakukan oleh Jawatan Kuasa Disiplin Sekolah, didapati pihak sekolah membuat keputusan yang berbeza-beza ke atas kes yang sama, (Kertas kerja Sosiologi Pendidikan).

Dalam organisasi sekolah Guru Besar atau pengetua merupakan pihak yang paling bertanggungjawab dalam hal-hal disiplin pelajar. Disebabkan bebanan tugas pengetua dan guru besar dalam pengurusan keseluruhan organisasi sekolah kuasa pengurusan disiplin pelajar diturunkan kuasa kepada guru-guru yang terpilih. Dalam hal ini, Unit Hal Ehwal Murid-murid dengan unit disiplin dibawahnya adalah pihak-pihak yang membantu guru besar secara langsung dan bertanggungjawab penuh dalam mendisiplinkan pelajar dengan memiliki pengetahuan yang mencukupi dan melaksanakan tugasnya dengan penuh dedikasi dan betul. Jadi, adalah penting dan wajar suatu kajian dijalankan untuk melihat tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan guru-guru disiplin berdasarkan tatacara pengurusan disiplin pelajar di sekolah.

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti apakah tahap pengetahuan dan pelaksanaan guru dalam menguruskan disiplin pelajar berdasarkan pekeliling-pekeliling dan panduan tata tertib pengurusan disiplin pelajar di sekolah yang dibina berdasarkan Ordinan Pelajaran 1957, Peraturan-Peraturan pelajaran (Disiplin sekolah) 1959¹.

1.4.2 Objektif khusus

Secara khususnya kajian ini dijalankan adalah untuk :

- i) Menenalpasti tahap pengetahuan guru disiplin tentang pengurusan disiplin pelajar.
- ii) Menenalpasti tahap pelaksanaan pengurusan disiplin pelajar dalam kalangan guru disiplin.
- iii) Menenalpasti sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru disiplin tentang pengurusan disiplin pelajar mengikut jantina.
- iv) Menenalpasti sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru disiplin tentang pengurusan disiplin pelajar mengikut tempoh perkhidmatan sebagai guru disiplin.
- v) Mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan pengurusan disiplin pelajar dalam kalangan guru disiplin sekolah menengah daerah Kulaijaya.

1.5 Persoalan kajian

Berdasarkan masalah yang dinyatakan, kajian ini merangkumi beberapa soalan utama iaitu :

Apakah tahap pengetahuan guru disiplin tentang pengurusan disiplin pelajar.


- i) Apakah tahap pelaksanaan pengurusan disiplin pelajar dalam kalangan guru disiplin.
- ii) Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru disiplin tentang pengurusan disiplin pelajar mengikut jantina.
- iii) Adakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru disiplin tentang pengurusan disiplin pelajar mengikut tempoh perkhidmatan sebagai guru disiplin.
- iv) Adakah terdapat hubungan signifikan antara tahap pengetahuan dan Tahap pelaksanaan pengurusan disiplin pelajar dalam kalangan guru disiplin sekolah menengah daerah Kulaijaya.

1.6 Kerangka kajian

Warga pendidik seharusnya mempunyai pengetahuan yang mantap tentang tugas yang dipertanggungjawabkan agar mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih cemerlang. Dalam pengurusan disiplin pelajar, pengetahuan tentang konsep dan peraturan-peraturan disiplin serta pelanggaran peraturan-peraturan disiplin dan hukuman yang dikenakan ke atas pelajar perlu dikuasai oleh guru khasnya guru disiplin di sesebuah sekolah supaya tindakan guru dalam proses mendisiplinkan pelajar dapat dilakukan dengan tepat dan pada masa yang ditetapkan. Guru juga perlu mengetahui tentang tanggungjawabnya sebagai guru disiplin agar dapat bertindak dengan penuh dedikasi.

1.6.1 Kerangka kajian

Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian



1.7 Rasional Kajian

Masalah disiplin dalam kalangan pelajar meningkat selaras dengan era pembangunan negara kita dari segi teknologi dan maklumat. Penyalahgunaan bahan-bahan media bercetak dan elektronik membawa mereka ke arus kemerosotan akhlak. Jadi, menangani masalah disiplin masa kini mesti dipandang serius dan perlu mengambil tindakan yang boleh membawa implikasi yang positif.

Kementerian pelajaran telah mengedarkan panduan tatacara disiplin sekolah untuk guru besar dan guru. Setiap perpindahan juga diberitahu dari semasa ke semasa melalui pekeliling-pekeliling ke sekolah. Di peringkat Kementerian Pelajaran, telah melakukan banyak kajian yang memperihalkan tentang masalah disiplin pelajar di sekolah. Walaupun pihak sekolah mengambil pelbagai tindakan untuk mendisiplinkan pelajar, namun tindakan-tindakan tersebut sentiasa ditimbulkan persoalan. Para ibubapa sentiasa menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap tindakan pihak sekolah keatas pelajar-pelajar yang terlibat dengan salah laku. Sudah menjadi satu 'trend' kepada masyarakat masa kini, menyalahkan satu sama lain dalam hal pengurusan disiplin pelajar. Akhbar-akhbar di negara kita, seringkali memperdebatkan isu masalah disiplin. Ini merunsingkan semua pihak pendidikan dan masyarakat.

Oleh demikian, adalah penting dan wajar kajian ini dijalankan supaya dapatan kajian ini boleh menunjukkan signifikan pengurusan sekolah dalam membendung masalah disiplin dalam kalangan pelajar. Kajian ini juga akan memaparkan kekuatan atau kelemahan guru disiplin dari segi pengetahuan dan pelaksanaan tindakan disiplin berdasarkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan untuk pengurusan disiplin pelajar di sekolah.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan akan memberi gambaran tentang penguasaan pengetahuan dan tahap pelaksanaan guru disiplin dari segi konsep, jenis-jenis salah laku yang dilarang secara nyata dan tidak nyata, prosedur memberi denda dan hukuman berdasarkan

garis panduan pengurusan disiplin yang diedarkan oleh Kementerian Pelajaran ke sekolah. Dapatan kajian ini juga akan menunjukkan hubungan antara tahap pengurusan dari segi pengetahuan dan pelaksanaan mengikut jantina dan pengalaman seseorang guru sebagai guru disiplin dan serta hubungan signifikan antara pengetahuan dan pelaksanaan di kalangan guru disiplin dalam menangani masalah disiplin.

Dapatan kajian ini akan membantu pihak sekolah membuat pengubahsuaian dari segi perlantikan guru-guru disiplin mengikut jantina dan pengalaman seseorang guru sebagai guru disiplin.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga akan membantu pihak Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran dan Pejabat Pendidikan Daerah untuk merancang, merangka dan menambahbaikkan kursus, seminar ataupun edaran-edaran ke sekolah untuk memantapkan lagi pengetahuan tentang tatacara pengurusan disiplin dan pelaksanaan yang betul dan sistematik mengikut prosedur yang ditetapkan.

Dapatan kajian ini juga diharapkan akan memberi pendedahan kepada ibubapa dan masyarakat umum tentang penguasaan pengetahuan dalam pengurusan disiplin dan pelaksanaan guru mengikut panduan tatacara disiplin dimana ini membantu mereka untuk membuat keputusan sama ada mempertikaikan tindakan guru disiplin terhadap salah laku pelajar.

Justeru itu, dapatan kajian ini juga akan membantu memberi hala tuju kepada para pengkaji masa hadapan yang ingin membuat kajian lanjutan tentang pengurusan disiplin pelajar di sekolah.

1.9 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di 12 buah sekolah menengah harian di daerah Kulaijaya memandangkan lokasi kesemua sekolah tersebut terletak di kawasan sedang membangun. Memandangkan guru-guru disiplin ditugaskan khas dan mempunyai tanggungjawab yang mendalam dan terlibat dalam menangani masalah disiplin

pelajar secara langsung, jadi sampel kajian ini terdiri daripada seramai 120 orang guru disiplin daripada 12 buah sekolah menengah di daerah Kulaijaya. Fokus kajian ini adalah pada tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan guru disiplin dalam membendung masalah disiplin pelajar.

1.10 Batasan kajian

Kajian ini dijalankan di 12 buah sekolah menengah harian biasa di daerah Kulaijaya. Kajian ini fokus pada tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan guru-guru disiplin tentang pengurusan disiplin sepertimana yang terkandung dalam buku panduan tatacara disiplin sekolah untuk guru besar dan guru yang berdasarkan pada Ordinan Pelajaran 1957, Peraturan-Peraturan (Disiplin Pelajar) 1959¹ dan pekeliling-pekeliling ikhtisas. Kajian ini dijalankan hanya di sekolah-sekolah menengah di daerah Kulaijaya sahaja. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh disesuaikan untuk menerangkan bahawa keadaan sama di semua sekolah di Malaysia.

1.11 Definisi Istilah

Dalam kajian ini, beberapa istilah penting digunakan. Istilah-istilah tersebut harus dijelaskan serta penggunaan beberapa takrifan untuk mengelakkan kekeliruan pembaca kajian ini.

1.11.1 Pengurusan

Mengikut Buku Pengurusan yang efektif dalam pentadbiran dan pendidikan, yang dituliskan oleh Mohamad Ahmad dalam bahasa Arab dan diterjemahkan dalam bahasa Melayu oleh Noor Hasanuddin (2004), menjelaskan pengurusan disiplin dalam bahasa Arab dikatakan *nadzam al-Asy-ya'a* – *nadzaman*. Maksudnya mengatur segala sesuatu dengan kemas dan rapi, dan menyusunnya dan menggabungkannya antara satu sama lainnya.

Drucker (1972), mentakrifkan pengurusan sebagai satu proses sosial untuk mendapatkan kerjasama, penyertaan dan penglibatan ahli-ahli dalam sesebuah organisasi untuk mencapai sesuatu matlamat atau objektif yang paling berkesan.

Menurut Stonner (1984), pengurusan adalah satu proses merancang, mengelola, memimpin dan mengawal daya usaha ahli-ahli dan menggunakan sumber-sumber lain untuk mencapai matlamat yang ditentukan.

Dalam konteks pendidikan semua guru berperanan penting dalam membentuk modal insan yang kelas tinggi. Guru juga bertanggungjawab penuh dalam pengurusan perihal disiplin pelajar. Pengurusan disiplin yang berkhemah adalah bergantung kepada pengetahuan mantap dan amalan seseorang guru.

Dalam kajian ini, pengurusan merujuk kepada sekolah sebagai sebuah organisasi yang terdiri daripada sumber manusia seperti guru besar, guru-guru, pelajar-pelajar, staf sokongan dan pekerja-pekerja swasta dan sebagainya. Proses pengurusan dalam organisasi sosial seumpama ini adalah sangat penting untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini, seseorang guru besar dan guru disiplin yang diturunkan kuasa oleh pengetua atau guru besar dalam melaksanakan tugas mendisiplinkan pelajar terlibat dengan proses merancang, mengelola, mengawal, mengatur dan menggunakan sumber-sumber sebagai panduan untuk mencapai objektif.

1.11.2 Disiplin

Mengikut P.F Oliva (1956), dalam Mok Soon Sang, disiplin merujuk kepada kawalan diri, kawalan dari luar, patuh pada autoriti, keadaan bilik darjah yang teratur, kursus pengajian yang sistematik, cara yang menetapkan peraturan atau hukuman.

Manakala, G.V Sheriakov F. Redl (1956) mentafsirkan disiplin sebagai perihal ketenteraman dan peraturan di dalam sesuatu kumpulan termasuk cara-cara mendapatkan ketenteraman dan peraturan itu serta hukuman. Di bawah konteks

masyarakat, disiplin boleh dimaksudkan sebagai peraturan-peraturan yang telah dipersetujui oleh ahli-ahlinya untuk mewujudkan tingkah laku yang sesuai demi menjamin kesempurnaan kehidupan mereka dalam masyarakat itu.

Disiplin merupakan elemen yang amat penting bagi organisasi sekolah, Tanpa peraturan, kawalan, patuhan, tindakan, sistematik, ketatasusilaan sesuatu organisasi akan menghadapi kesukaran untuk menjalankan proses rutin. Jadi pengurusan disiplin adalah sesuatu yang wajar dalam konteks sekolah. Tambahan pula sekolah juga adalah harapan besar masyarakat dalam membentuk insan yang menonjolkan identiti yang membanggakan negara.

1.11.3 Tahap Pengetahuan

Mengikut Kamus Dewan, Edisi keempat (2007), tahap membawa maksud peringkat atau tingkat. Dalam kajian ini perkataan tahap digunakan untuk melihat peringkat pengetahuan dan peringkat pelaksanaan tugas guru disiplin.

Mengikut Kamus Dewan, edisi keempat (2007), pengetahuan adalah perihal mengetahui, kepandaian atau kebijaksanaan.

Dalam pengurusan disiplin sekolah, guru-guru disiplin adalah wajar mempunyai pengetahuan yang tepat tentang tugas mereka supaya tindakan dalam pelaksanaan tugas mereka dapat diterima oleh masyarakat tanpa sebarang raguan.

Oleh itu, dalam kajian ini tahap pengetahuan terhadap disiplin pelajar merujuk pada setakat mana guru-guru disiplin mengetahui perihal tentang tatacara pengurusan disiplin pelajar di sekolah.

1.11.4 Pelaksanaan

Mengikut Kamus Dewan (1996), perkataan pelaksanaan adalah bermaksud, menjalankan atau mengusahakan sesuatu rancangan atau tugas. Dalam kajian ini, tahap guru-guru disiplin menjalankan tugas dalam membanteras masalah disiplin pelajar dikaji.

Omardin Ashaari (1996) dalam buku pengurusan sekolah berkenaan dengan peranan guru dalam pelaksanaan disiplin adalah dengan mengawas disiplin dalam bilik darjah, disekitar sekolah dan dalam kegiatan luar sekolah. Dalam kajian ini pelaksanaan guru dalam menangani disiplin dikaji dari segi mengawas disiplin dan mengambil tindakan terhadap salah laku pelajar yang berlaku di dalam kelas dan persekitaran dalaman sekolah. Tatacara pengurusan yang berkesan, membantu guru-guru bertindak dengan lebih berhati-hati dan berkhemah agar tidak timbulnya persoalan daripada masyarakat.

Merujuk pada takrifan-takrifan diatas, guru-guru khasnya guru-guru disiplin dalam pelaksanaan disiplin sekolah, bertanggungjawab memerhati, mengawal, membicara, melapor, mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan tatacara pengurusan disiplin sekolah yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.11.5 Masalah

Mengikut Kamus Dewan, Edisi Keempat (2007), masalah bermaksud perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran, dan sesuatu yang memerlukan penyelesaian.

Menurut Mok Soon Sang (2003), masalah disiplin pelajar dibahagikan kepada empat kategori iaitu jenayah, kelakuan negatif, membolos dan menipu.

Pada zaman globalisasi ini, tingkahlaku pelajar banyak dipengaruhi oleh teknologi yang semakin canggih. Maka masalah menangani disiplin pelajar masa kini merupakan suatu cabaran kepada guru-guru. Guru-guru perlu memiliki pengetahuan yang betul dan bertindak secara bijaksana dalam mengambil tindakan terhadap

pelajar supaya setiap satu tindakan membawa hasil yang berkesan kepada perubahan tingkalkaku pelajar.

1.11.6 Pelajar

Menurut Kamus Dewan (1996), ditakrifkan pelajar sebagai murid atau penuntut. Pelajar adalah individu yang menimba ilmu dan mempelajari nilai-nilai murni untuk dijadikan dirinya sebagai insan yang sempurna dan berdisiplin dibawah bimbingan guru di sekolah atau mana-mana institusi pembelajaran.

1.11.7 Guru

Mengikut Kamus Dewan, edisi keempat (2007), guru ditakrifkan sebagai orang yang mengajar, pendidik, pengasuh. Seorang guru perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk mengajar dan membimbing murid. Selain mengajar guru juga menjalankan tugas sebagai kerani, pengadil, polis, hakim, kaunselor, setiausaha dan pekerja sosial.

Kumpulan sosiologi berpendapat bahawa guru memainkan peranan dan tanggungjawab dalam membentuk sikap, nilai dan akhlak para pelajar melalui pembentukan disiplin yang baik.

Guru masa kini mempunyai tanggungjawab yang pelbagai selain daripada kerja rutin mereka. Dalam melaksanakan tanggungjawab guru-guru perlu lengkap dengan pengetahuan yang mantap, bersedia sentiasa, memberi perkhidmatan secara berkesan, proaktif, berfikiran kreatif dan kritis.

1.11.8 Hukuman

Kamus Dewan, edisi keempat (2007), mentaksirkan, hukuman sebagai penderitaan yang dikenakan ke atas kesalahan yang dilakukan oleh seseorang. Di mahkamah hukuman membawa erti keputusan dan pertimbangan.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, hukuman yang dikenakan ke atas pelajar yang salah laku terletak pada kuasa guru besar atau pengetua sesuatu sekolah. Tindakan-tindakan disiplin kerana kesalahan yang dilakukan hendaklah bersifat adil dan tegas supaya dengan tindakan-tindakan itu, murid dapat dibimbing ke jalan yang mengindarkannya dari melakukan perbuatan salah laku yang sama.

Dalam pengurusan disiplin sekolah, hukuman adalah sesuatu tindakan, pendekatan ataupun alat yang digunakan untuk membawa kesedaran kepada pelajar tentang tindakan mereka yang tidak patut. Rasional dalam memberi hukuman kepada seseorang pelajar seharusnya boleh mengubah tingkahlaku mereka yang negatif kepada positif dan bukannya mengikut emosi, personal, sengaja ataupun bertujuan mengenakan tanpa sebab yang munasabah. Jadi, memang wajar seseorang guru memahami peraturan-peraturan dalam memberi hukuman kepada pelajar.

1.11.9 Perbuatan-perbuatan yang dilarang secara nyata

Dalam buku panduan tatacara disiplin sekolah untuk guru besar dan guru-guru (1988), yang berasaskan Ordinan Pelajaran 1957, Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, Perbuatan-perbuatan yang dilarang secara nyata ditentukan oleh undang-undang berhubung dengan kelakuan yang dilarang di sekolah-sekolah.

1.11.10 Perbuatan-perbuatan yang dilarang secara tidak nyata

Dalam buku panduan tatacara disiplin sekolah untuk guru besar dan guru-guru (1988), yang beraskan Ordinan Pelajaran 1957, Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, diterangkan sebagai perbuatan-perbuatan yang bertujuan

menyebabkan kecederaan fizikal, kehilangan atau kerosakan fizikal pada harta benda dan yang mengganggu keselesaan orang lain.

Guru besar dalam melaksanakan tanggungjawab untuk mengawal disiplin di kalangan murid-murid mengikut budi bicaranya menggunakan kuasa mengenakan tindakan disiplin terhadap murid-murid yang tingkah laku mereka tidak diingini.

Dalam konteks pendidikan, demi mengawal disiplin pelajar, merujuk pada paraturan 4, dalam Peraturan-Peraturan pelajaran (Disiplin sekolah) Guru besar adalah orang yang bertanggungjawab ke atas disiplin sekolah dan bagi maksud itu, mempunyai kuasa ke atas murid-murid sekolah. Dengan tujuan demikian, guru besar diperuntukkan untuk menurunkan kuasa disiplin dan kuasa menjalankan hukuman kepada guru-guru lain.

Dengan penurunan kuasa kepada guru-guru dalam pengurusan disiplin pelajar di sekolah maka guru-guru disiplin di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Kulaijaya digunakan untuk memperolehi maklumat-maklumat untuk kajian ini..

RUJUKAN

- Abdullah Sani Yahaya (2005). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Pahang : PTS Publication dan Distributers Sdn.Bhd.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak (2004). *Memimpin Diri Sendiri*. Pahang : PTS Publication dan Distributers Sdn.Bhd.
- Ainon Mohd (2004). *Psikologi kejayaan*. Kuala Lumpur. PTS Publications dan Distributor Sdn Bhd.
- Aishah (2005). *Reformasi Pendidikan dan hubungan dengan stress di kalangan guru- guru di empat buah Sekolah Menengah daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Boyson dan Rhodes (1973). *Dicipline in schools*. London : Word Lock Educational.
- Ee Ah Meng (1991). *Psikologi perkembangan*. Aplikasi Dalam Bilik Darjah. Kuala Lumpur. Siri Pendidikan Fazar bakti.
- Fazlina Abdul Halim. Aini Hassan Dawi (2011). *Pelestarian dalam Pengurusan Disiplin sekolah Sebagai Wadah Transformasi Pendidikan 1 Malaysia*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Gerald C. Ubbbean (2007), *The Principal. Creative Leadership for Excellence in Schools*. United States of America. Pearson.
- http://www.ed.gov/tools/tools_for_school. (1998).
- Hasmadi Hamdan. (2008). *Pengurusan Tindakan Disiplin dan Hukuman ke atas Pelajar*. Satu Kajian Kes.
<http://www.scribd.com/pengurusan-tindakan-disiplin-dan-hukuman-ke-atas-pelajar-hasmadi-blogspot.com/2010>

How Lee Chan (2007). *Faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng di kalangan pelajar Sekolah Menengah Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.

Hussein Mahmood. (1993). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ishak Harun (2004). *Sikap Dan Amalan Pelajar Ponteng. Satu Kajian Di sebuah Sekolah Daerah Keningau*. Jurnal Keningau dalam Penyelidikan Pendidikan. <http://www.geocities.com/jpmmpks/jurnal/01ishak.htm>.2005/3.

Jaafar Muhamad (1998). *Kelakuan Organisasi*. Leeds Publications. Kuala Lumpur.

Kamus Dewan (1996). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1988). *Buku Panduan Tatacara Pengurusan Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Laporan Jawatan Kuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979). Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Marimuthu.T.(1990). *Pengenalan Sosiologi Pendidikan*. Shah Alam. Penerbit Fajar Bakti.

Md Saodan (2008). *Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Disiplin Dalam Menjalankan Tugas Di sekolah Rendah Daerah Segamat*. Johor. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Ismail Othman (2004). *Undang-undang Untuk Pengetua dan Guru Besar*. Pahang. PTS Publication and Distribution. Sdn. Bhd.

- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang (2003). *Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan Skim Perkhidmatan Guru*. Subang Jaya. Kumpulan Sdn Bhd.
- Muhammad Ahmad Abdul Jawwad (2004). *Pengurusan yang Efektif Dalam Pentadbiran & Pendidikan*. Kuala Lumpur. Berlian Publication.
- Omardin Ashaari (1996). *Pengurusan Sekolah*. Kuala Lumpur. Utusan Publications sdn Bhd.
- Rahmat Ismail (2002). *Menggenggam Bara. Satu Pendekatan Untuk Motivasi dan menyerlahkan Keunggulan diri*. Kuala Lumpur. Utusan Publications dan Distributor Sdn Bhd.
- Rogers. (1981). *Adolecence and Youth*. United Stated: Prentice-Hall.
- Salina (2009). *Kefahaman dan Sikap Guru terhadap pelaksanaan aktiviti Kokurikulum di tiga buah Sekolah Menengah di daerah pasir gudang, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Shoba (2007). *Faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan Disiplin di kalangan pelajar di negeri Johor*. Unversiti Teknologi Malaysia.
- Sigamoney S (1984). *Disiplin Sekolah, Definisi dan konsep-konsep Disiplin. Melalui Sistem Pelaksanaan Negatif (Merit/Demerit System)*. Pengasuh Jurnal Akademik dan Professional. Maktab Sultan Abu Bakar. Johor Bahru.

Siti Zubaidah (2008). *Tahap Amalan Pengurusan Dalam Elemen Pengurusan Disiplin di Sekolah Menengah Islam Hidayah*. Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia.

Weinstein C. S. (2003). *Secondary Classroom Management*. Edisi Kedua. New York: McGraw-Hill.